



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

02 Zulkaedah 1443 / 02 Jun 2022

1. Semalam, Rabu, 01 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 01 Jun 2022, sebanyak 142 dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 34,897 dos iaitu 81.3% bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Manakala, sebanyak 860 dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 21,806 dos iaitu 50.8%.
2. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin kekal sebanyak 70.8%.
3. Hari ini, Khamis, 02 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 02 Jun 2022, sebanyak **367 kes baru** telah dilaporkan iaitu 366 kes hasil ujian ART dan 1 kes adalah hasil dari 256 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes

yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **149,337** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Manakala **2 kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sebanyak **220 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **147,284 kes**.
 - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,830 kes** iaitu 6 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,824 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
4. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa mengambilkira akan jumlah kes harian COVID-19 di negara ini terus berada di tahap yang terkawal terutama sekali mereka yang memerlukan rawatan di hospital iaitu di kategori 4 dan 5, COVID Holding Area Tutong (CHAT) akan ditutup secara rasmi bermula pada 2 Jun 2022.
 5. Dalam menjalani fasa endemik ni, orang ramai masih perlu memastikan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan dan mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul. Teruskan berusaha untuk menjaga kesihatan dengan membuat kegiatan fizikal sekurang-kurangnya 30 minit dalam sehari atau 150 minit dalam seminggu. Semoga

Allah Subhanahu Wa Ta'ala mempermudah segala urusan kitani
semua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 02 Zulkaedah 1443H / 02 Jun 2022